



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	OPERASI PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM
KOD KURSUS	:	DPI 3243
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:
 - BAHAGIAN A (15 Markah)
 - BAHAGIAN B (25 Markah)
 - BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A. Jawab LIMA (5) soalan dari BAHAGIAN B . Jawab TIGA (3) soalan dari BAHAGIAN C.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap soalan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi LIMA BELAS (15) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul / Salah.

1. Bank pusat merupakan organisasi yang berfungsi sebagai badan induk sistem perbankan sesebuah negara.
2. Lembaga Tabung haji dan Syarikat-syarikat takaful merupakan contoh institusi bukan kewangan.
3. Pembiayaan perbankan Islam lebih tertumpu kepada sektor penggunaan perusahaan syarikat dan projek-projek usahasama berbanding dengan sektor-sektor lain.
4. Asas utama bagi perbankan Islam adalah dengan berkonsepkan ekuiti dan moral.
5. Pelaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) adalah untuk membuka ruang kepada bank-bank komersial untuk menjalankan perkhidmatan berlandaskan prinsip syariah Islam.
6. Keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya dan bukan hanya kesamarataan semata-mata.
7. Hasil bil perbendaharaan digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi syarikat-syarikat persendirian.
8. Keperluan tazkiyyah adalah kepada pembersihan harta melalui zakat dan sedekah.
9. Tujuan *marhun* ialah untuk meyakinkan terhadap hutang atau pemiutang bahawa risiko pembayaran hutang dapat ditingkatkan.
10. Takaful juga berfungsi sebagai satu alternatif simpanan.
11. Manusia adalah sebagai pemegang amanah kerana harta merupakan hak mutlak Allah SWT.

12. Akaun pelaburan terbahagi kepada dua iaitu pelaburan khas dan pelaburan individu.
13. Harta karun yang ditemui di perut bumi atau di dasar laut yang dianggap sudah tidak bertuan diklasifikasikan sebagai hartat umum.
14. Menjaga agama dan memelihara masyarakat termasuk dalam *al-kuliyyat al-Khams*.
15. Waqaf merupakan badan yang berberperanan untuk melaksanakan segala kutipan termasuk zakat dan cukai-cukai lain.

(15 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan. Jawab LIMA (5) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Berikan definisi institusi kewangan menurut kamus perbankan beserta satu contoh institusi kewangan yang sesuai.

(5 markah)

SOALAN 2

Nyatakan **LIMA (5)** cabaran yang dihadapi oleh bank-bank Islam pada era ini

(5 markah)

SOALAN 3

Jelaskan perbezaan di antara konsep riba' dari perspektif Islam dan konsep faedah dari perspektif konvensional.

(5 markah)

SOALAN 4

Terangkan secara ringkas mengenai peranan institusi kewangan bukan bank.

(5 markah)

SOALAN 5

Nyatakan objektif pasaran modal dalam operasi perbankan Islam.

(5 markah)

SOALAN 6

Huraikan secara ringkas mengenai perbezaan sekuriti langsung dan sekuriti tidak langsung

(5 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan. Jawab TIGA (3) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Berikan definisi perundangan Islam dari segi istilahnya

(3 markah)

b) Huraikan secara terperinci **TIGA (3)** prinsip utama yang menjadi dasar kepada syariat dan perundangan Islam.

(15 markah)

c) Datangkan satu dalil berkenaan perundangan Islam.

(2 markah)

SOALAN 2

a) Jelaskan istilah-istilah berikut:

- i. Bil perbendaharaan
- ii. Sijil deposit boleh niaga
- iii. Penerimaan bank
- iv. Perjanjian belian semula

(8 markah)

- b) Huraikan **LIMA (5)** kaedah pembiayaan gadai janji yang terdapat dalam operasi perbankan Islam.

(12 markah)

SOALAN 3

Pelaksanaan operasi perbankan Islam adalah bersandarkan dengan sumber-sumber yang terdapat dalam perundangan Islam. Sumber perundangan Islam tersebut terbahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Jelaskan **TIGA (3)** sumber primer dan **DUA (2)** sumber sekunder tersebut.

(20 markah)

SOALAN 4

Waqaf dan pajak gadai Islam Ar-Rahnu merupakan antara institusi ekonomi dan kewangan Islam yang berperanan penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam secara proaktif dan membebaskan umat Islam daripada cengkeram riba'.

- a) Huraikan fungsi wakaf.

(10 markah)

- b) Terangkan fungsi Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

